

KOMENTAR/COMMENTARY

Membudayakan Amalan Baik dalam Penyelidikan untuk Pembangunan Kuasa Nasional

Inculcating Best Practices in Research Culture for National Power Development

Prof. Madya Dr Norsaleha Mohd Salleh

Ketua Editor IJISTRA, IRIS Institute
(editor.ijistra@gmail.com)

1.0 Realiti Malaysia hari ini

Pembangunan negara bersifat pragmatik dan populis. Keputusan dan tindakan yang dibuat tidak berdasarkan kajian dan ilmu sebaliknya lebih mengutamakan kepentingan politik dan kelompok tertentu berbanding kepentingan nasional. Oleh itu, tindakan-tindakan kerajaan hanya bersifat reaktif dan penyelesaian jangka masa pendek. Ia sekadar meredakan sementara simptom masalah-masalah yang membelenggu rakyat tanpa menyelesaikan punca masalah sebenar.

Perkara ini dapat dilihat dalam banyak aspek pembangunan negara seperti pembandaran, khususnya pembangunan perumahan dan guna tanah yang tidak dirancang dengan baik. Hal ini menambah beban kepada sistem saliran, jalan raya, pendidikan dan perkhidmatan kesihatan awam sehingga rakyat tidak menikmati kehidupan yang berkualiti (Farhana Abd Kadir, 2024; Noor Hayati Muda & Bernama, 2024, Siti Nurhidayu Abu Bakar, 2024). Masalah ini bertambah buruk dengan isu kekurangan tenaga kerja dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan awam (Dominic Lau Hoe Chai, 2024). Malah, Malaysia juga tidak tegas dalam isu *vape* walaupun banyak kajian telah membuktikan kesan negatifnya kepada anak muda dan masa depan negara. Ini menunjukkan pembangunan negara dipengaruhi kepentingan pelobi kapitalis dan lebih mengutamakan keuntungan ekonomi jangka pendek (Zizi Azlinda Mohd Yusof, 2025; Zuhainy Zulkifli, 2024).

Malaysia juga tidak kritis dan gagal membangunkan kerangka ekonomi sendiri. Malaysia banyak mengikut saranan institusi-institusi ekonomi antarabangsa yang ingin mengurangkan intervensi kerajaan dalam ekonomi tanpa mengambil kira sejarah dan latar belakang politik dan sosial Malaysia. Banyak kajian telah menunjukkan bahawa saranan tersebut memberi kesan negatif kepada kesenjangan dan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang terutamanya kepada negara-negara miskin dan membangun (Vreeland, 2003; Momani, 2010; Toussaint & Millet, 2010). Sehingga kini Malaysia masih tersekat dalam perangkap negara membangun malah bergantung kepada pelaburan dan teknologi asing. Sedangkan, Malaysia kaya dengan pelbagai sumber alam dan sumber manusia serta mempunyai kedudukan geografi yang strategik (IRIS Institute, 2025).

2.0 Kuasa nasional: Negara kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri

Malaysia memerlukan sebuah paradigma baharu untuk memacu pembangunan negara yang membawa kepada kemajuan dalam semua aspek kehidupan. Kerangka kuasa nasional meletakkan ilmu pengetahuan dan kehendak nasional sebagai tonggak utama dalam pembangunan negara untuk menjadi sebuah negara yang kuat, maju dan berdaulat. Ini kerana ilmu pengetahuan dan kehendak nasional menentukan hala tuju negara dan *blueprint* pengupayaan sumber-sumber nasional secara menyeluruh, optimum dan strategik demi

kepentingan nasional. Pada masa yang sama, ilmu pengetahuan dan kehendak nasional memainkan peranan penting dalam mengenal pasti cabaran dan ancaman struktural yang menggugat kekuatan, kemajuan dan kedaulatan negara. Ilmu pengetahuan dan kehendak nasional juga merupakan titik tolak kepada perangkaan strategi intervensi yang efektif bagi mengatasi cabaran dan ancaman ini.

Ilmu pengetahuan yang dibangunkan dengan kerangka penyelidikan berasaskan falsafah ilmu sendiri melahirkan cara fikir, sistem, institusi dan dasar negara yang memenuhi kepentingan nasional. Selagi tiada perkara ini, hala tuju kepimpinan negara akan terperangkap dalam politik populisme, kepentingan politik kepartian yang sempit mahupun kepentingan kelompok-kelompok tertentu seperti kapitalis dan kuasa asing. Pembangunan negara berasaskan falsafah dan manhaj ilmu sendiri adalah manifestasi kemerdekaan pemikiran. Ini penting bagi memastikan kemajuan yang dicapai benar-benar dinikmati oleh semua rakyat dengan adil dan tidak mengorbankan kedaulatan negara. Malangnya, 'kemajuan' hari ini seperti kepesatan pembangunan pusat data, sektor semikonduktor dan tenaga solar dicapai dengan melepaskan pemilikan sumber strategik dan kawalan ke atas rantai bekalan industri kepada kuasa asing dan kelompok elit (IRIS Institute, 2025).

3.0 Penyelidikan untuk pembangunan kuasa nasional

Institusi pendidikan dan pengajian tinggi di Malaysia memainkan peranan utama dalam memperkasa falsafah dan kerangka ilmu, membangunkan kehendak nasional, memupuk bakat, dan memberi solusi ilmiah yang praktikal kepada permasalahan negara. Malangnya, halatuju pendidikan dan penyelidikan negara lebih fokus untuk memenuhi keperluan tenaga buruh mengikut kehendak industri. Tidak dinafikan bahawa banyak peruntukan diberikan untuk kajian dalam formulasi dasar dan polisi negara, namun mengapa banyak masalah masih belum selesai sejak puluhan tahun dahulu? Masalah-masalah seperti krisis identiti nasional, kesenjangan ekonomi dan pembangunan wilayah, kepincangan sosial dan sebagainya masih belum selesai walaupun kerajaan silih berganti. Ini menunjukkan terdapat masalah yang bersifat struktural dan sistemik yang tidak dapat diselesaikan dengan perubahan dasar dan polisi semata-mata.

Kegagalan menemui jalan penyelesaian ini berpunca daripada kelemahan hala tuju dan pembangunan keupayaan penyelidikan nasional. Perkara ini telah diulas dalam artikel-artikel terdahulu yang bertajuk 'sejauh manakah keupayaan penyelidikan nasional menyumbang kepada pembangunan kuasa nasional?' (Norsaleha Mohd Salleh, 2024a) dan 'sejauh mana penerbitan jurnal menyumbang kepada pembangunan ilmu di Malaysia?' (Norsaleha Mohd Salleh, 2024b). Tuntasnya, Malaysia hanya mengikut kerangka keilmuan Barat dan terikat dengan epistemologi ilmu dan sistem nilai Barat. Malaysia kehilangan kehendak nasional yang asli, merdeka dan kuat kerana tidak berdiri di atas manhaj, epistemologi dan nilai ilmunya sendiri. Akhirnya, Malaysia masih mengekalkan struktur dan sistem tinggalan penjajah yang memenuhi kepentingan asing walaupun telah merdeka.

4.0 Budaya berfikir dan mengkaji dalam pembangunan negara

Usaha membangunkan falsafah dan identiti nasional yang asli dan berdaulat bermula dengan masyarakat yang membudayakan berfikir dan mengkaji sebelum membuat apa-apa keputusan. Malaysia perlu memupuk budaya berfikir dan mengkaji sebelum membuat sebarang keputusan di peringkat kepimpinan negara sehingga ke peringkat individu. Contohnya, belanjawan negara sepatutnya dirangka dalam kerangka ekonomi Islam bukan mengikut acuan Barat. Ilmu ekonomi Islam bukan sekadar membangunkan institusi dan produk tetapi menawarkan sistem dan cara hidup berekonomi yang lebih adil dan makmur bagi semua rakyat. Seterusnya, syura dilaksanakan untuk memutuskan belanjawan negara selepas melakukan analisa data yang betul. Ia mengambil kira maklumat belanjawan lepas serta potensi dan cabaran pembangunan negara dalam setiap aspek kehidupan. Ia juga perlu membuat unjuran keperluan bagi mengupayakan setiap sumber nasional pada tahap yang optimum. Amalan baik dalam penyelidikan untuk membuat keputusan itu penting untuk menetapkan hala tuju yang betul dan jelas untuk negara. Ia juga memandu perancangan dan pelaksanaan strategi pembangunan untuk menjadi negara yang kuat, maju dan berdaulat.

Budaya berfikir dan mengkaji sebelum membuat keputusan juga penting pada peringkat individu kerana keputusan-keputusan individu secara kolektif memberi kesan besar kepada masyarakat dan negara. Misalnya, masyarakat yang bahagia lahir dari keluarga yang bahagia. Pembinaan institusi keluarga ini bermula dengan individu yang mempunyai niat dan matlamat yang betul untuk berkahwin. Seterusnya, mereka memilih dan mengkaji latar belakang calon pasangan dan keluarganya supaya sekuflu dan serasi. Pelayaran bahtera perkahwinan juga perlukan ilmu yang betul mengenai hak dan tanggungjawab setiap ahli keluarga, ilmu komunikasi, keibubapaan, pengurusan kewangan dan sebagainya. Perkara ini bukan perkara remeh sebaliknya Islam memberikan ilmu dan garis panduan supaya suami isteri dapat merealisasikan impian bersama dan melahirkan generasi baru yang meneruskan peranan sebagai khalifah di atas muka bumi ini.

Oleh itu, amalan baik dalam penyelidikan yang bermula dengan budaya berfikir dan mengkaji sebelum membuat keputusan memainkan peranan penting dalam pembangunan nasional. Terdapat beberapa komponen utama dalam amalan penyelidikan yang baik bagi memastikan hasil penyelidikan memandu keputusan yang betul. Komponen pertama adalah sumber ilmu yang bersepadu dan komponen kedua adalah kaedah pengumpulan data dan maklumat yang betul. Ini bermakna sesuatu keputusan dibuat berdasarkan maklumat yang betul dan menyeluruh dengan mengambil kira pandangan syarak, pengalaman pihak lain serta hujah rasional dan bukti empirikal. Komponen ketiga adalah kaedah analisa data yang betul dan menyeluruh sebelum mengeluarkan rekomendasi yang mengambil kira peluang, kekuatan, kelemahan, cabaran dan ancaman termasuk aspek implikasi strategik dan jangka panjang sesuatu bahan kajian. Maka, input dan proses kajian yang betul menghasilkan output penyelidikan yang betul.

Sebagai contoh, kajian pembandaran kolonial dan penghapusan bangsa Melayu di Malaysia (2021) mengumpul dan menganalisa maklumat yang menyeluruh dari pelbagai sumber termasuk beberapa kajian kes bandar-bandar di Malaysia dan wilayah Islam serta maklumat dari kajian lapangan, perbincangan meja bulat dan temubual bersama responden-responden yang dipilih mengikut kriteria yang ditetapkan. Seterusnya, analisa maklumat dilakukan secara menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek yang berkaitan sebelum melalui proses semakan dan pengesahan bersama pakar dan pihak berkepentingan. Akhirnya, dapatan kajian ini memberikan kefahaman mengenai hubungan antara pembangunan bandar dan kewujudan serta kuasa sesebuah bangsa khususnya implikasi pembandaran kolonial British terhadap penghapusan bangsa Melayu di Malaysia. Kajian ini membuka ruang kepada lebih banyak kajian lanjutan untuk merangka *blueprint* pembandaran yang keluar dari kerangka penjajahan dan kepentingan asing.

3.0 Kesimpulan

Keputusan dan tindakan yang betul adalah hasil proses kajian yang betul menggunakan sumber-sumber ilmu dan maklumat yang menyeluruh dan bersepadu termasuk sumber-sumber akal dan wahyu. Budaya berfikir dan mengkaji sebelum membuat keputusan bukan budaya yang asing dalam tradisi ilmu Islam. Malah, Islam menuntut setiap orang untuk bersungguh-sungguh menimba ilmu supaya sekecil-kecil sikap dan tindakan individu sehingga sebesar-sebesar keputusan negara membawa manusia kepada kemajuan dan kemakmuran yang sebenar. Malaysia perlu keluar dari falsafah ilmu dan kerangka pemikiran Barat warisan penjajah supaya membangunkan negara yang kuat, maju dan berdaulat dalam acuan sendiri. Setiap golongan masyarakat termasuk pemimpin, penguatkuasa, warga penyelidik dan pendidik, ibubapa, anak muda dan sebagainya perlu memainkan peranan masing-masing menyuburkan budaya ilmu serta budaya berfikir dan mengkaji sebelum membuat keputusan.

Rujukan

Farhana Abd Kadir. (2024, Mac 16). *Isu kesesakan murid perlu penyelesaian segera*. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/654844/suara-sinar/analisis-sinar/isu-kesesakan-murid-perlu-penyelesaian-segera>

Dominic Lau Hoe Chai. (2024, November 27). *Beri perhatian isu hospital kerajaan sesak*. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/11/beri-perhatian-isu-hospital-kerajaan-sesak/>

IRIS Institute. (2025). *Laporan Strategik Kuasa Nasional Malaysia 2023-2024*.

Momani, B. (2010). IMF rhetoric on reducing poverty and inequality. In Wilkinson, R., & Clapp, J. (Eds.), *Global Governance, Poverty and Inequality*. Routledge.

Noor Hayati Muda & Bernama. (2024, Jun 21). *Tiada petanda isu kesesakan jalan raya di KL dapat diselesaikan*. Malaysiakini. <https://www.malaysiakini.com/news/709388>

Norsaleha Mohd Salleh. (2024a). Sejauh manakah keupayaan penyelidikan nasional menyumbang kepada pembangunan kuasa nasional? *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies (IJISTRA)*, 5(8), 485-487. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2023.70>

Norsaleha Mohd Salleh. (2024b). Sejauh mana penerbitan jurnal menyumbang kepada pembangunan ilmu di Malaysia? *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies (IJISTRA)*, 5(9), 530-534. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2024.88>

Norsaleha Mohd Salleh, Mohd Zul Fahmi Md Bahrudin & Nur Hanis Mohamad Noor. (Ed.). (2021). *Pembandaran kolonial dan penghapusan bangsa Melayu di Malaysia*. IRIS Institute.

Siti Nurhidayu Abu Bakar. (2024, November 11). *Banjir kilat: Mengapa Kuala Lumpur terus terjejas?* Berita RTM. <https://berita.rtm.gov.my/laporan-khas/kolumnis/senarai-berita-kolumnis/senarai-artikel/banjir-kilat-mengapa-kuala-lumpur-terus-terjejas>

Toussaint, E., & Millet, D. (2010). *Debt, the IMF, and the World Bank: Sixty Questions, Sixty Answers*. NYU Press.

Vreeland, J. R. (2003). *The IMF and Economic Development*. Cambridge University Press.

Zizi Azlinda Mohd Yusof. (2025, Februari 10). *Wujud langkah wajar tangani ketagihan vape demi generasi muda*. Berita Harian. https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2025/02/1359504/wujud-langkah-wajar-tangani-ketagihan-vape-demi-generasi-muda?__cf_chl_tk=ty26CGh9da8fglLdFLJZKzV3HV83EQqMKfeRPTHslyQ-1739498627-1.0.1.1-Gw.52vo2nlqfmz3xgElFRjLXB9TMXff4wkZ6x6pgU64

Zuhainy Zulkifli. (2024, September 26). *CAP seru kerajaan tolak memorandum industri vape*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137917/cap-seru-kerajaan-tolak-memorandum-industri-vape>